

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1985/86

SUP311: Undang-Undang Untuk Pengurus-Pengurus

Tarikh: 6 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

---

Kertas ini dibahagikan kepada TIGA bahagian. Jawab EMPAT soalan sahaja, termasuk SATU soalan dari tiap-tiap bahagian. SATU soalan lagi boleh dipilih dari mana-mana bahagian. Setiap soalan mempunyai markah yang sama.

BAHAGIAN I  
(Undang-Undang Kontrak)

1. (a) Sebutkan cara-cara bagaimana revokasi penawaran (offer) dibuat.
- (b) Dogol telah menawarkan kepada Botak untuk menjualkan sebuah tempayan miliknya kepada Botak. Dogol berkata kepada Botak: "... Kalau hang (kamu) nak beli, aku tunggu sampai hari Jumaat, pukul 9.00 pagi ..." Sehari sebelum tempoh penawaran berakhir, iaitu pada hari Khamis, Botak telah mendapat tahu dari seorang kawan karibnya, Guri Singh yang Dogol telahpun menjualkan tempayan berkenaan kepada seorang pembuat tapai, Ragi Singh. Pada hari Jumaat, jam 7.00 pagi, Botak cepat-cepat pergi ke rumah Dogol dan terus membuat penerimaan (acceptance) untuk membeli tempayan berkeaaan. Dogol pula enggan menerima penerimaan yang dibuat oleh Botak. Kata-nya kepada Botak: "... sayang, terlambat. Aku dah jual pada Ragi Singh. Dia nak guna tempayan untuk buat tapai ..." Botak tersangat marah dengan kata-kata itu. Dia terus meluru kepada Dogol dan menampar kepala Dogol sehingga terjatuh rambut palsu yang dipakainya. Botak kemudiannya datang menemui anda untuk bertanyakan tentang revokasi kontrak yang dibuat oleh Dogol. Nasihat-kan Botak.

...2/-

2. (a) "Pembalasan (consideration) tidak semestinya merupakan keperluan (essential) terpenting bagi sesuatu kontrak." Bincangkan.
- (b) Tom Yam telah meminjam wang sebanyak \$10,000.00 dari seorang saudaranya, Koe Teow untuk membuka sebuah restoran. Tom Yam berjanji akan menjelaskan semua hutang itu dalam masa setahun. Oleh kerana restorannya tidak maju, Tom Yam tidak berupaya untuk menjelaskan hutang berkenaan. Koe Teow kemudiannya datang menemui Tom Yam untuk mendapatkan kembali wang yang telah diberi pinjam itu. Tom Yam meminta maaf kepada Koe Teow kerana tidak berupaya menjelaskan hutang berkenaan.  
" ... Apa boleh buat, orang tak datang makan. Hari-hari sup kambing terpaksa dibuang kerana tak laku dan basi," katanya dengan nada sedih kepada Koe Teow. Melihatkan keadaan itu, Koe Teow pun berkata kepada Tom Yam, "... Cincailah, kalau begitu kau bayar \$5,000.00 untuk semua hutang itu dah cukup. Aku akan terima nanti." Tom Yam kemudiannya berikhtiar untuk menjelaskan semua hutang itu dengan membuat pembayaran ansuran sebanyak \$5,000.00 kepada Koe Teow. Dua tahun kemudian, setelah restoran Tom Yam maju kembali, Koe Teow datang untuk mendapatkan \$5,000.00 lagi dari Tom Yam. "Mana boleh, hutang \$10,000.00, bayar \$5,000.00 saja. Dulu cerita lain, sekarang cerita lain pula," kata Koe Teow kepada Tom Yam. Tom Yam pula enggan menjelaskan jumlah baki itu. Dia datang berjumpa anda untuk mendapatkan nasihat guaman. Nasihatkan Tom Yam.
3. Bezakan di antara kontrak batal (void contracts) dengan kontrak bolehbatal (voidable contracts).

BAHAGIAN II  
(Undang-Undang Syarikat)

4. Anda baru sahaja membuka sebuah firma perunding di Georgetown, Pulau Pinang. Seorang usahawan muda, Kah Cang, telah datang berjumpa anda untuk mendapatkan nasihat bagaimana hendak menubuhkan suatu perkongsian (partnership) dengan seorang kawannya, Khoo Da. Sehari kemudian, datang pula seorang Burma, U Bee yang tinggal di Jalan Burma, Pulau Pinang, bertanyakan tentang cara-cara untuk menubuhkan sebuah syarikat (company) dengan seorang Korea, Kah Yu di Malaysia. Anda dikehendaki menasihatkan Kah Cang berkenaan dengan penubuhan perkongsiannya dan U Bee berkaitan dengan penubuhan syarikatnya. Anda juga dikehendaki membezakan perkongsian Kah Cang dengan syarikat yang akan ditubuhkan oleh U Bee.
  
5. Syarikat Kam Bing telah diperbadankan (incorporated) dengan beberapa objek (objects) iaitu untuk mengeluar dan memasarkan minyak angin, minyak wangi dan makjun. Oleh kerana syarikat ini menjadi maju dan terkenal, syarikat ini kemudiannya memperkembangkan lagi perniagaannya di bidang pembinaan rumah dan lain-lain kegiatan. Syarikat Kam Bing telah mendapat tawaran untuk membina sebuah rumah dua tingkat untuk dimiliki oleh Encik Attap dan isteri. Perjanjian untuk membina rumah itu telah ditandatangi oleh Syarikat Kam Bing dan Encik Attap di hadapan seorang peguam, Hoe Sin. Perjanjian ini kemudiannya telah disahkan oleh semua ahli Syarikat Kam Bing tanpa meminda objek syarikat terlebih dahulu. Semasa pembinaan rumah berkenaan dilakukan, Encik Attap telah pergi melihat bagaimana rumah itu disiapkan. Semasa melangkah masuk ke dalam rumah yang sedang dibina itu, sebatang kayu alang yang belum dipaku telah terjatuh dan menimpa Encik Attap. Encik Attap mengalami cedera parah, dua tulang belikat, empat batang gigi dan tulang hidungnya telah patah. Mendengarkan kemalangan ini berlaku, Syarikat Kam Bing dengan segera bertindak membatalkan kontrak pembinaan rumah dengan Encik Attap. Encik Attap kemudiannya mengambil tindakan guaman terhadap Syarikat Kam Bing atas pemecahan kontrak (breach of contract) yang dilakukan oleh Syarikat itu dan meminta gantirugi kecederaan yang dialami olehnya dari syarikat yang sama. Anda telah dilantik sebagai seorang peguam mewakili Syarikat Kam Bing bagi menghadapi tindakan Encik Attap. Apakah nasihat anda terhadap Syarikat Kam Bing?

6. Apakah status dan fungsi seseorang pengarah (director) di dalam sebuah syarikat.

BAHAGIAN III  
(Undang-Undang Perhubungan Perindustrian)

7. Bincangkan perbezaan-perbezaan dan faedah-faedah kepada proses penyelesaian pertelingkahan perindustrian secara Tawar-menawar Kolektif (Collective Bargaining) dengan Arbitrasi Wajib (Compulsory Arbitration).
8. Sebuah syarikat Belanda, Van Tien Koesoong telah mengambil tindakan disiplin terhadap Ketot, seorang pekerja di sebuah kilang syarikat itu. Tindakan ini dibuat kerana Ketot, juga seorang Presiden Kesatuan Sekerja (Trade Union) di kilang berkenaan yang begitu aktif memperjuangkan hak-hak pekerja dan telah melahirkan rasa tidak puas hati di atas layanan syarikat itu kepada pekerja-pekerjanya. Pihak pentadbir syarikat itu bukan sahaja tidak membenarkan sebarang mogok dilakukan, malah tidak membenarkan rawatan perubatan percuma kepada pekerja-pekerjanya. Di dalam satu perjumpaan Kesatuan Sekerja dengan pihak pentadbir syarikat, Ketot dengan berani telah berkata kepada majikannya sebagai "lintah darat, gila kuasa dan kapitalis." Ini menyebabkan tindakan disiplin diambil ke atasnya iaitu ia digantung gajinya selama enam bulan. Ketot sekarang sedang mencari alasan undang-undang bagi mendakwa pihak pentadbir Syarikat Van Tien Koesoong di atas tindakan disiplin dan penganiayaan yang dilakukan ke atasnya. Anda diminta untuk menasihatkan Ketot di dalam tindakan undang-undangnya.
9. Bincangkan peruntukan-peruntukan penting yang terdapat di dalam Akta Perhubungan Perindustrian, 1967.

-ooooooo-